



## KENYATAAN MEDIA

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA  
MENGENAI  
SUSULAN INSIDEN LETUPAN DI STESEN MINYAK, AUSTIN PERDANA JOHOR DAN  
INSIDEN ESKALATOR DI PANDAN INDAH SELANGOR

---

**Putrajaya, 26 Oktober** – Susulan daripada insiden letupan di stesen minyak di Austin Perdana, Johor Bahru dan juga insiden melibatkan eskalator di Pandan Indah, Selangor , pihak JKKP memandang serius terhadap perkara ini. Rentetan daripada perkara itu, pihak JKKP telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan mengeluarkan notis pemberhentian kerja bagi insiden letupan di stesen minyak di Austin Perdana dan notis larangan penggunaan eskalator di Pandan Indah.

Bagi insiden letupan di stesen minyak di Austin Perdana, pihak JKKP masih mengenalpasti punca kemalangan dan akan memanggil pihak bertanggungjawab untuk mendapatkan keterangan. Manakala bagi insiden melibatkan eskalator di Pandan Indah, mendapat ianya berkemungkinan disebabkan *wear& tear* dan faktor usia jentera berkenaan.

Untuk makluman, JKKP akan menjalankan siasatan secara terperinci bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan kewajipan sewajarnya. JKKP juga sedang menjalankan siasatan forensik bagi mengenalpasti punca-punca utama kemalangan dan insiden bagi mencegah kemalangan dan kejadian seperti ini berulang di masa hadapan.

JKKP memandang serius setiap kemalangan yang berlaku terutamanya melibatkan kematian, sama ada pekerja mahupun orang awam. JKKP akan mengambil tindakan perundungan sekiranya didapati terdapat pelanggaran undang-undang oleh pihak yang bertanggungjawab.

---

Tarikh siaran : 26 Oktober 2016

Dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pengarah JKKP Malaysia

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia  
Aras 5, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Putrajaya